

UniSZA perlu RM5j

Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) akan mewujudkan Tabung Kursi Sultan Mizan (TKSM) bagi membiayai pelbagai program di universiti itu termasuk membiayai projek penyelidikan.

Naib Canselornya Datuk Prof Dr Yahaya Ibrahim berkata, pihaknya memerlukan dana RM5 juta bagi mewujudkan TKSM itu.

"Kami menawarkan kepada semua pihak menyumbang dana diperlukan. Dana ditaja ini bukan bermaksud dibawa kepada UniSZA, tetapi ia disimpan di bank terpilih.

"Keuntungan atau faedah hasil dana ini digunakan UniSZA untuk pembiayaan program di universiti," katanya pada Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) kepada UniSZA di sini, semalam.

Pada majlis itu, Pengarah Urusan BIMB Datuk Seri Zukri Samat menyerahkan zakat perniagaan BIMB sebanyak RM30,000 kepada Yahaya yang mewakili UniSZA.

Yahaya berkata, TKSM dijangka dilancarkan Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin apabila tabung siap sepenuhnya.

"Kami sudah lama berhasrat mewujudkan tabung ini dan berharap semua pihak dapat bekerjasama serta memberi sokongan bagi merealisasikan impian ini," katanya.

Sementara itu, Zukri berkata, jumlah keseluruhan zakat BIMB bagi 2013 meningkat kepada RM12 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu RM9 juta dan diagihkan kepada pusat zakat seluruh negeri.

HARIAN METRO
12/09/2014